



UNTUK SIARAN SEGERA

**KKMM MELANCARKAN PERKHIDMATAN e-DAGANG SETEMPAT (PeDAS) BERSAMA
MDEC BAGI MEMPERKASAKAN USAHAWAN LUAR BANDAR
DALAM e-DAGANG**

Beranang, 26 Ogos 2019 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama agensinya, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), melancarkan Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) di seluruh negara melalui 10 Pusat Internet Desa (PID) untuk menggalakkan transformasi digital di kalangan pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) di kawasan luar bandar, sejajar dengan perkembangan e-dagang yang pesat.

Dengan slogan 'Satu Klik, Sejuta Peluang', PeDAS kini ditawarkan di PID yang berfungsi sebagai pusat sehenti atau 'one-stop centre' untuk memberi peluang dan ruang kepada pengusaha IKS mikro untuk mengasah kemahiran dalam perniagaan e-dagang. Ini merupakan langkah pertama bagi IKS mikro untuk memasarkan produk mereka ke platform yang lebih luas seperti Digital Free Trade Zone (DFTZ) serta membolehkan mereka menggunakan pelbagai aplikasi dan peralatan digital untuk memperkembangkan dan memperbaiki kecekapan perniagaan mereka.

Perkhidmatan yang ditawarkan di pusat-pusat PeDAS termasuk memprofil perniagaan untuk membantu pengusaha IKS mikro memahami kebolehpasaran mereka, memberi latihan dan bimbingan pemasaran e-dagang kepada mereka, serta khidmat nasihat lain yang berkaitan seperti rancangan perniagaan, pendaftaran perniagaan, pensijilan dan penjenamaan.

"Saya amat gembira kerana PeDAS merupakan perkhidmatan yang terbaru yang disediakan di PID, untuk membolehkan pengusaha IKS di luar bandar untuk mendapat kemahiran dan ilmu dalam bidang e-dagang, untuk memperluaskan perniagaan mereka," kata Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia semasa majlis perlancongan PeDAS petang tadi.

"PeDAS dengan cogan katanya 'Satu Klik, Sejuta Peluang', merupakan satu inisiatif yang dijalankan khas untuk membantu IKS di luar bandar untuk memasarkan produk melalui platform e-dagang. PeDAS dapat meringankan beban para usahawan dan 'solopreneurs' yang tidak mempunyai sistem sokongan yang bersepadu atau pengetahuan lengkap dalam pemasaran digital, penjenamaan, pensijilan dan sebagainya, untuk menjayakan perniagaan e-dagang mereka," tambah YB.



Pada penghujung tahun 2018, dua projek perintis PeDAS telah dijalankan di PID Tanjung Malim dan PID Tanjung Kling. Setakat ini terdapat lebih 800 usahawan yang telah diprofilkan. Seramai 390 sudah mula menggunakan perkhidmatan PeDAS di kedua-dua pusat tersebut dan berjaya meningkatkan hasil jualan mereka sebanyak 50% melalui platform perniagaan e-dagang.

Berdasarkan sambutan yang memberangsangkan ini, PeDAS telah diperluaskan di lapan lokasi baru, iaitu di PID Kuala Nerang, PID Balik Pulau, PID Kuala Kurau, PID Sungai Koyan, PID Sungai Mati, PID Pagoh, PID Kota dan PID Beranang. 22 lokasi baru dijangka akan ditambah pada tahun 2020.

Menurut Puan Surina Shukri, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, "PeDAS memberi manfaat kepada masyarakat di luar bandar, dan pengurus di Pusat PID pula menjadi titik hubungan kami untuk menyampaikan khidmat nasihat e-Dagang kepada golongan pengusaha IKS mikro di kawasan tersebut. Pusat-pusat Internet Desa memainkan peranan yang penting dalam menjayakan program ini kerana pengurus PID mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan komuniti tempatan. Oleh itu, kami berharap lebih ramai IKS mikro luar bandar merebut peluang ini untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang e-dagang supaya mereka mempunyai kelebihan dan peluang yang lebih tinggi untuk kekal relevan dan berjaya dalam perniagaan di jangka masa panjang."

Pengurus-pengurus di Pusat PID yang dilatih oleh MDEC melalui program eUsahawan, memainkan peranan yang penting sebagai tenaga pengajar dan penasihat kepada IKS mikro, serta membantu mereka memasarkan produk mereka di platform e-dagang. Selain itu, pengurus di Pusat PID juga akan menganjurkan kelas-kelas latihan yang berkaitan dengan e-dagang dan keusahawanan digital bagi memanfaatkan komuniti tempatan.

Kerjasama dengan pihak industri juga telah dijalinan bersama Shopee Malaysia dan Pos Malaysia Berhad untuk memperkasa program PeDAS, di mana pengurus PID diberi latihan tambahan oleh pemain-pemain industri ini untuk belajar bagaimana IKS mikro boleh memasarkan produk mereka di platform e-dagang Shopee dan cara menggunakan perkhidmatan logistik e-dagang oleh Pos Malaysia. Pos Laju juga merupakan salah satu pembekal perkhidmatan logistik rasmi Shopee dimana struktur pengurusan mereka diintegrasikan sepenuhnya ke dalam rangkaian sistem Shopee.

"Pos Malaysia merupakan katalis dalam memangkin segmen e-dagang di negara ini selain daripada menjadi pemain utama industri pos, kurier dan logistik. Justeru, dengan adanya cawangan-cawangan Pos Malaysia yang terletak secara strategik bersebelahan dengan lokasi-lokasi PID ini, kami percaya bahawa ianya akan dapat mendorong komuniti tempatan menggunakan perkhidmatan yang sedia ada dan secara tidak langsung akan memperkasakan lagi program PeDAS ini. Selain itu, kami turut bekerjasama dengan Shopee Malaysia, di mana usahawan IKS ini boleh memasarkan produk mereka menerusi platform e-dagang Shopee dan pada masa



yang sama menggunakan perkhidmatan logistik terbaik yang ditawarkan oleh Pos Malaysia," kata Syed Md Najib Syed Md Noor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia.

"Kami cukup berbangga dapat memainkan peranan penting dalam membantu IKS luar bandar di Malaysia melalui transformasi teknologi dan memberi pendedahan kepada mereka ke era digital. Kesungguhan Shopee, platform e-dagang nombor satu Malaysia, dalam membentuk landskap e-dagang tempatan terbukti dengan kerjasama kami dengan MDEC dan KKMM ini. Kami turut gembira untuk bekerjasama dengan Pos Malaysia dalam menjayakan inisiatif ini. Semestinya, golongan IKS akan berasa lebih lega kerana Shopee berupaya menyokong mereka melalui program penghantaran percuma kami bersama Pos Laju yang dapat mengurangkan kos operasi mereka dan seterusnya membantu mereka berjaya dalam perniagaan atas talian," kata Ian Ho, Pengarah Urusan Serantau, Shopee.

Pada akhir tahun ini, program PeDAS menjangka dapat memprofil seramai 1,500 lagi usahawan dan melatih 1,000 usahawan menggunakan platform e-Dagang di beberapa lokasi PID yang terpilih.

-Tamat-

ABOUT MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) is the government agency under the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia entrusted to lead the nation's digital economy forward.

MDEC's mandate includes driving digital adoption, development of industry ready tech talents, digital economy policies and global champions.

To future proof Malaysia for the digital age, MDEC will leverage its proven track record, industry credibility and experienced leadership to connect, catalyse and commercialise digital initiatives to advance a thriving and sustainable digital economy placing diversity and inclusivity at its core.

#LetsBuildTogether #Seriously Digital #DigitalMalaysiaForward

To find out more about MDEC's Digital Economy initiatives, please visit www.mdec.my or follow us on:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec



###

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Sharifah Syazreen Syed Agail

Senior Executive, Communications

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Tel: 03-8314 1839 **Email:** syazreen.syed@mdec.com.my

Gambar-gambar sekitar majlis:



Para tetamu kehormat bergambar dengan pengurus PID dari pelbagai lokasi yang telah menerima latihan dari MDEC, POS Malaysia dan Shopee, untuk menjadi pelatih dan penasihat kepada IKS mikro luar bandar yang mendapatkan perkhidmatan PedAS.



Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Gobind Singh Deo, beramah mesra dengan usahawan mikro tempatan yang merupakan peserta program eUsahawan PedAS.